


KENYATAAN TENDER

Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (902884-V) ("**MRT Corp**") ialah sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan (Diperbadankan). Sebagai pemaju infrastruktur rel metro Malaysia, MRT Corp diamanahkan dengan pembangunan dan penyiapan projek rel bandar strategik seperti Transit Aliran Massa Lembah Klang (KVMRT), RTS Link Johor Bahru - Singapura, dan Laluan LRT Mutiara Pulau Pinang, untuk menyokong mobiliti mampan dan pembangunan negara.

MRT Corp mempelawa bakal Petender untuk mengambil bahagian dalam tender bagi pakej kerja yang dinyatakan di dalam jadual di bawah

TAJUK DAN NOMBOR TENDER	SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN TENDER	PRA-PENDAFTARAN TENDER	TAKLIMAT TENDER MANDATORI DAN LAWATAN TAPAK
<p>PROJEK MASS RAPID TRANSIT LALUAN 2: PUTRAJAYA LINE</p> <p>TENDER FOR SUPPLY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING, TRAINING AND WARRANTY OF ONE (1) UNIT OF UNDERFLOOR WHEEL LATHE MACHINE INCLUDING ASSOCIATED CIVIL AND OTHER ENABLING WORKS AT SUNGAI BULOH DEPOT (SUBD)</p> <p>TENDER NO : SSP-MRTC-GENE-SUBD-TEN-00094</p>	<p><u>Syarikat dari Malaysia</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Memiliki Perakuan Pendaftaran yang sah seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Perjanjian Lesen yang sah dengan OEM sebagai pengedar Tunggal Sah atau Ejen Tempatan di Malaysia. <p><u>Syarikat asing</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Syarikat asing perlu menyediakan Salinan Sijil Penubuhan Syarikat yang disahkan oleh notari di negara syarikat ditubuhkan. 	<p>RM 500.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Sahaja)</p> <p>dalam bentuk Deraf Bank / Banker's Cheque / Online Transfer</p> <p>Pembayaran kepada:- Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (201001019176 (902884V))</p>	<p>Semua Petender dikehendaki membuat pra-pendaftaran secara dalam talian untuk menyertai Tender melalui salah satu pautan yang disediakan di bawah:</p> <ol style="list-style-type: none"> Laman web MRT Corp: www.mymrt.com.my; https://forms.gle/NT1LBu6LXjBGLJoz5; Sila imbas Kod QR untuk pra-pendaftaran.  <p>Pra-pendaftaran tender ini akan bermula dari 3 April 2026.</p>	<p>Tarikh : Rabu, 15 April 2026 Masa : 10:00 pagi – 12.00 Tengah hari Tempat : Briefing Room, Level 2, Admin Building, Sungai Buloh Depot Lot 488, Jalan Batu 3 Sungai Buloh Seksyen U4 40150 Shah Alam Selangor Darul Ehsan</p> <p>Semua Petender dikehendaki mendaftar pada Rabu, 15 April 2026 di lokasi yang tertera di atas di antara jam 9.30 pagi hingga 10.00 pagi.</p> <p>Wakil-wakil daripada pihak Petender yang berminat mestilah terdiri daripada kakitangan utama yang berkecualan dan berpengetahuan di dalam bidang tender dan kontrak untuk kerja yang dinyatakan, serta telah diberi kuasa oleh syarikat.</p> <p>Wakil Petender WAJIB mengemukakan Sijil Pendaftaran yang 'ASAL' dan 'SALINAN YANG DISAHKAN' (oleh Setiausaha Syarikat atau Pengarah Syarikat) seperti dinyatakan di dalam SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN sewaktu menghadiri Taklimat Tender. Kegagalan mengemukakan sijil-sijil tersebut akan membatalkan kelayakan untuk menghadiri taklimat tender.</p>

Petender mestilah memenuhi syarat-syarat MANDATORI seperti berikut untuk menyertai Tender ini:

KEPERLUAN KEUPAYAAN TEKNIKAL	KEPERLUAN KAPASITI KEWANGAN
<ol style="list-style-type: none"> Berjaya dalam membekalkan sekurang-kurangnya satu (1) produk serupa yang telah disiapkan dalam tempoh lima (5) tahun yang lalu, Mesin <i>Underfloor Wheel Lathe</i> khusus untuk Kereta Api dengan nilai kontrak sekurang-kurangnya RM 5 Juta dan telah dilaksanakan di dalam Asia Tenggara; dan Petender atau subkontraktor awam yang dicadangkan mestilah berjaya menyiapkan sekurang-kurangnya satu (1) projek kereta api yang berkaitan dengan kerja-kerja awam dalam tempoh sepuluh (10) tahun yang lalu, dengan nilai kontrak minimum RM 3 Juta di dalam satu kontrak. 	<ol style="list-style-type: none"> Dana Pemegang Saham (berdasarkan tahun kewangan terkini) mestilah tidak kurang dari RM 1,250,000.00. EBITDA terkumpul sepanjang 5 tahun sebelumnya mestilah positif. Mempunyai baki kemudahan kredit yang tidak digunakan daripada Institusi Kewangan tidak kurang daripada RM 2,500,000.00.

- Dokumen tender hanya akan diberikan melalui alamat e-mel yang telah didaftarkan kepada petender. Dokumen Tender boleh dibeli **mulai 16 April 2026 sehingga 5 Mei 2026** di pejabat seperti yang tertera di bawah:

PENYERAHAN DOKUMEN TENDER	WAKTU OPERASI KAUNTER TENDER
<p>MALAYSIA RAPID TRANSIT CORPORATION SDN. BHD. Jabatan Perolehan (Kaunter Tender) Tingkat 6, Menara I&P 1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia;</p>	<p>Isnin hingga Khamis : 9:00 pagi – 12:30 tengahari dan 2:00 petang – 5:00 petang Jumaat : 9:00 pagi – 12:00 tengahari dan 3:00 petang – 5:00 petang</p>

Tarikh serahan bagi dokumen tender adalah pada **Rabu, 3 Jun 2026 tidak lewat dari jam 12:00 tengahari**. Sebarang kelewatan didalam penyerahan dokumen tender tidak akan diterima.

Nota:

- Penyertaan melalui syarikat Usahasama/Konsortium adalah TIDAK dibenarkan.
- MRT Corp berhak untuk menolak serahan dokumen tender daripada mana-mana Petender tanpa menyatakan sebarang sebab atau memaklumkan kepada Petender mengenai alasan penolakan atau menanggung sebarang liabiliti kepada Petender terhadap penolakan serahan dokumen tender tersebut.
- Sebarang pertanyaan berhubung dengan tender ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di e-mel kepada procurement@mymrt.com.my. Petender boleh melayari laman web www.mymrt.com.my untuk maklumat lanjut mengenai MRT Corp.